

# Malaysia mahu Ghali letak jawatan

BH 23 APR 1994

Oleh Kamal Ahmad

SUBANG, Jumaat — Malaysia hari ini mahu Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Boutros-Ghali, meletakkan jawatan kerana gagal menamatkan penghapusan etnik rakyat Bosnia-Herzegovina oleh pengganas Serb, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, Ghali seolah-olah seorang yang tidak mempunyai kuasa serta gagal membawa sebarang perubahan dan menyelesaikan kekejaman pengganas Serb ke atas rakyat Bosnia.

"Kita tidak menyokong Ghali ketika dicalonkan menjadi Setiausaha Agung PBB.

"Perletakan jawatan (Ghali) mungkin membawa perubahan. Dia langsung tidak mampu membawa perubahan (dalam isu Bosnia). Dia seperti tidak ada kuasa.

"Dia merujuk kepada Nato (sebelum bertindak terhadap Serb) yang kemudian menunggu Majlis Keselamatan untuk buat keputusan. Sekarang Majlis Keselamatan membuat keputusan supaya merujuk kepada Nato. Nato pula perlu merujuk kepada pihak lain (sebelum bertindak). Sekarang PBB kata, perkara itu perlu dirujuk kepada Nato.

"Oleh itu, siapa sebenarnya yang berkuasa (dalam isu ini)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program Gerak Kerja Perdana (GKP) anjuran Pergerakan Pemuda Umno di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pemuda Umno, Tan Sri Abdul Rahim Thamby Chik; naib ketuanya, Datuk Nazri Tan Sri Aziz; ketua penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi serta 700 ahli pergerakan itu dari seluruh negara.

Dr Mahathir berpendapat, kekejaman di Bosnia boleh ditamatkan jika ia ditangani di peringkat awal.

"Bagaimanapun kita berasa amat se-

dih dan kecewa apabila Ghali berkata kejadian seperti di Bosnia berlaku di mana-mana sahaja. Pendirian ini seolah-olah memberi galakan kepada pengganas Serb bahawa apa sahaja yang mereka lakukan bukan perkara luar biasa kerana di tempat lain juga berlaku seperti di Bosnia.

"Jadi, saya berasa dukacita seorang berjawatan dan bertanggungjawab memimpin PBB yang ditugaskan jaga kepentingan semua negara, mempunyai pendirian seumpama itu," katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri tidak membangkang tindakan Pemuda Umno menghantar memorandum bantahan kepada PBB serta mendesak Ghali meletakkan jawatan.

"Saya tidak bangkang. Saya harap PBB akan memberi perhatian serius kepada memo itu," katanya mengulas tindakan Pemuda Umno.

Memo itu diserahkan oleh Abdul Rahim bersama rombongan Exco Pemuda Umno kepada wakil serantau PBB mengenai Program Pembangunan (UNDP) di ibu negara, Carl-Erik Wiberg, di pejabatnya jam 3.50 petang ini. Memo itu dihantar ke New York, petang ini juga.

Dr Mahathir berkata, jika PBB memilih seorang yang betul-betul berani, masalah di Bosnia mungkin dapat diselesaikan.

"Masalah di Bosnia adalah disebabkan pihak negara Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato); kuasa besar; PBB serta Majlis Keselamatan pertubuhan itu tidak mempunyai kesungguhan mengambil tindakan berkesan menyelesaikannya.

"Mereka (PBB) tahu pengganas Serb tidak hirau amaran mulut. Mereka (Serb) lebih hormati tindakan keras

LIHAT MUKA 2

## Malaysia mahu Ghali letak jawatan

BH 23 APR 1994

DARI MUKA 1

tapi PBB tidak sanggup. Kalau mereka (PBB) tidak sanggup, saya rasa itu hak mereka. Kalau mereka hendak menyelamatkan askar yang dihantar ke Bosnia sama ada tidak mahu cedera atau terbunuh, kita tidak ada bantahan.

"Tetapi mereka (PBB) hendaklah memberi peluang kepada rakyat Bosnia pertahankan diri. Ini mereka dihalang daripada mendapat senjata. Mereka (PBB) tahu pengganas Serb mendapat

bantuan dari Belgrade dan pihak lain.

"Ketika mereka minta pengganas Serb berundur dengan senjata masing-masing, mereka merampas beberapa meriam. Tetapi apabila pengganas Serb datang semula dan mengambil senjata itu, PBB tidak menahan.

"Apa jenis dasar ini yang tidak sanggup tolong orang (rakyat Bosnia) dan tidak sanggup membenarkan orang itu tolong diri sendiri," katanya.